



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	24/12/2019	MUKA SURAT	: 51
JABATAN	:	PERHILITAN / JPSM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Pahang Komited pulihara habitat Harimau Malaysia

Demi komitmen memelihara Hartanah Malaysia dan hidupan liar serta alam sekitar kerajaan Pahang meluluskan kawasan seluas kira-kira 127,889 hektar di Sungai Yu, Mukim Batu Yon di Lipis sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Ini akan menghubungkan HSK ini dengan HSK sedia ada, iaitu Ulu Jelai dan Tanum - seterusnya membentuk apa yang dikenali sebagai koridor ekologi di bawah Pelan Induk Ekologi (CFS), yang terbahagi secara langsung dengan rangkaian ini.

CFS diperkenalkan menerusi Rancangan Fizikal Negara (RFN) membolehkan lapan negeri, termasuk Pahang, ia meliputi empat kompleks hutan utama, iaitu Banjaran Titiwangsa-Banjaran Bintang-Nekawan, Taman Negara-Banjaran Timur, Pengkara Pahang-Chini-Tamah Lembah Bera dan Taman Negara Endau Rompin-Kawasan Simpanan Hidupan Liar Kluang.

Keputusan mesra alam dan suadai rentunya mesra hidupan liar ini dibuat pada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri dipengerusikan Menteri Besar, Da-

tuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, pada 27 November lalu.

Bagi memantapkan keputusan ini, kerajaan negeri bersejajar menutup jalan Lama Sungai Yu sepanjang kira-kira 5.2 kilometer (km), serta meratakan tanah ke-rajangan seluas kira-kira 2.05 hektar sebagai Pusat Pembangunan, Penyelidikan dan Pusat Sehenri CFS Pahang.

Penutupan Jalan Lama Sungai Yu wajar kerana ia sudah jarang digunakan penduduk kampung berkenaan berikutan siapnya Central Spine Road di kawasan itu, jika masih digunakan, ia sebagai alternatif untuk mereka ke kebun masing-masing.

Penutupan jalan berkenaan wajar berdasarkan cadangan Perikatan Pemuliharaan Harimau Malaysia (MYCAT) selaku gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membabitkan Pesa-tuan, Pencinta Alam Malaysia (MANS), Traffic South East Asia, Wildlife Conservaton Society Malaysia, Programme dan Tabung Hidupan Liar Dunia (WWF) Malaysia.

MYCAT sebelum ini memek-lumkan ada laporan menyatakan

pemburu harim, penceroboh ta-nah dan pembalok harim meng-gunakan Jalan Lama Sungai Yu untuk menjalankan aktiviti tidak sihat itu.

Dengan penutupan jalan lama itu, ia dapat menghindarkan ke-masukan secara mudah pemburu harim, penceroboh hutan dan pembalok harim ke kawasan hu-tan bersebelahan *eco-viaduct* yang juga projek Kerajaan Per-sekutuan bernilai RM60 juta di situ.

Menurut MYCAT ada bukti ba-hawa harimau belang - Harimau Malaysia serta hidupan liar lain menggunakan *eco-viaduct* berke-naan dalam tempoh antara Fe-bruari dan April lalu, yang men-jadi sasaran pemburu harim.

Oleh itu, tepatlah keputusan kerajaan negeri ini yang juga membolehkan komitmen tinggi bagi menyelesaikan Pelan Induk CFS yang dihasilkan menurut ke-perluan Harimau Malaysia, yang memerlukan landskap buatan luas dan bersambung, terutama di Pa-hang.

Mengenai keputusan merzab-kan tanah kerajaan seluas ki-ra-kira 2.05 hektar sebagai Pusat

Pembangunan, Penyelidikan dan Pusat Sehenri CFS Pahang, ia membolehkan Taman Rekreasi Sungai Yu sedia ada.

Keputusan ini dibuat mema-dangkan kemudahan asas di Ta-man Rekreasi Sungai Yu sudah uzur selain tahap kebersihannya kurang memusnahkan akibat pe-minjakan jumlah pengunjung pada hujung minggu dan mesra cuti sekolah.

Ia juga memberi peluang ke-pada penyelidik dalam dan luar negara, membuat penyelidikan berkaitan hutan serta flora dan fauna negeri ini.

Menersinya juga, kerja me-nuruskan koridor ekologi CFS Pahang dapat dilakukan lebih ce-kap, termasuk aspek kewangan, menerusi fi penyelidikan yang bakal dikenalkan.

Diharapkan alam sekitar Pa-hang khususnya yang memba-bitkan habitat hidupan liar se-perti Harimau Malaysia dapat te-rus terpelihara.

**Abdul Wahab Mohamad Ali,
Senausah Alshar
Kepada Menteri Besar Pahang.**